

Mohd. Sidek KSN baru

KUALA LUMPUR 31 Ogos - Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa and Industri Tan Sri Mohd Sidek Hassan dilantik Ketua Setiausaha Negara yang baru berkuatkuasa 3 September.

Beliau akan menggantikan Tan Sri Samsudin Osman, yang akan tamat kontrak perkhidmatannya pada 2 September, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan dalam satu kenyataan hari ini.

Pelantikan Mohd Sidek, 55, telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Dilahirkan di Pekan, Pahang pada 24 Jun 1951, Mohd Sidek berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dalam bidang Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari New Hampshire College, Amerika Syarikat.

Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 15 April 1974 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mohd Sidek mempunyai pengalaman kerja yang amat luas di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan semasa berkhidmat di kementerian itu, beliau antara lainnya pernah ditugaskan sebagai Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Sydney, Australia.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Pengarah Dasar, Bahagian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Menteri Penasihat Hal Ehwal Ekonomi di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Washington, Amerika Syarikat dan Pengarah Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala, ketika dalam kementerian yang sama.

Mohd Sidek dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) kementerian itu pada 19 Januari 2001 dan seterusnya Ketua Setiausaha kementerian sama pada 24 Oktober 2004.

Ketika dihubungi Bernama malam ini, Mohd Sidek berkata beliau akan bercakap kepada media mengenai pelantikannya itu selepas berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, esok.

-Bernama



SAMSUDIN Osman memandang kerusinya buat kali terakhir sebelum meninggalkan pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.